

The Difficulty Level of Online Learning Content According to the Students' Perspective towards Arabic Language Course

**Hairun Najuwah Jamali¹, Ku Fatahiyah Ku Azizan²,
Awatif Abdul Rahman³, Wazzainab Ismail⁴**

^{1,2,3,4}Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia
Correspondence: hairunnajuwah@kuis.edu.my; kufatahiyah@kuis.edu.my;
awatif@kuis.edu.my; wazzainab@kuis.edu.my

ABSTRACT

Online teaching and learning is no longer an option as a result of the corona virus pandemic, also known as COVID-19. Since March 2020, teaching and learning activities in all educational institutions at various levels are implemented online. Therefore, this paper discusses the findings of a study that has been conducted quantitatively on 295 undergraduate students at Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). This study aims to discover the difficulty level of online learning content according to the students' perspective towards Arabic language courses NBWU1062 Al Arabiah Al A'liyah Li Dirasat Islamiyyah II and NBWU2102 Al Arabiah Al A'liyah Li Dirasat Islamiyyah III. The learning content consists of listening, speaking, reading and writing skills as well as grammar learning. The findings of the study shows that the most difficult level of learning content is listening skills and the easiest level is reading skills. The study aims to help the lecturers involved in teaching this course to further improve the quality of teaching and learning in the future.

Keywords: *difficulty level; learning content; Arabic language; online learning*

PENGENALAN

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan wabak korona COVID-19 telah merubah norma baharu dalam sektor pendidikan di Malaysia. Antara intipati utama perintah kawalan ini ialah penutupan semua sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT) dalam negara. Walau bagaimanapun, kerajaan meminta pihak pengurusan sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT) melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran secara maya atau dalam talian. Pelbagai aplikasi persidangan video seperti Zoom, Google Meet, Skype, MS Team, Whatsapp, Telegram dan lain-lain lagi digunakan bagi menyokong pembelajaran norma baharu ini (Rosinawati, 2020).

Lonjakan kesembilan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 -2025, turut menggariskan penggunaan kemudahan ICT dalam pengajaran bagi meningkatkan kualiti pembelajaran agar setaraf dengan pembelajaran tahap global (KPM, 2013). Pelan ini menggalakkan pelaksanaan pembelajaran dalam talian oleh tenaga pengajar bagi meningkatkan kualiti pembelajaran.

Bertitik tolak daripada situasi penularan wabak korona COVID-19 dan galakan ke arah e-pembelajaran, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian kini sudah tidak lagi janggal. Walau bagaimanapun, sejauh mana penerimaan kefahaman pelajar terhadap isi kandungan pembelajaran dalam talian amat perlu diambil perhatian. Oleh itu, dua kursus bahasa Arab berstatus wajib universiti telah dipilih bagi mengenal pasti perspektif pelajar terhadap tahap kesukaran isi kandungan pembelajaran kursus ini yang dipelajari secara dalam talian. Kedua-dua kursus ini menekankan pembelajaran empat asas kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Selain itu, topik tatabahasa asas juga diajar sebagai pelengkap kepada PdP kursus ini. Kursus-kursus yang dimaksudkan ialah NBWU1062 Al Arabiah Al A'liyah Li Dirasat Islamiyyah II dan NBWU2102 Al Arabiah Al A'liyah Li Dirasat Islamiyyah III.

Aktiviti PdP kedua-dua kursus bahasa Arab ini dijalankan secara dalam talian di sepanjang semester pengajian pelajar sesi I 2020/2021. Ia merupakan pengalaman pertama bagi para pelajar mahupun para tenaga pengajar yang terlibat dalam aktiviti PdP ini. Pelbagai platform PdP digunakan bagi mencapai objektif penyampaian maklumat PdP kursus-kursus ini. Platform kumpulan *Whatsapp* pelajar-tenaga pengajar diwujudkan bagi komunikasi dua hala secara intensif berkaitan kursus. *Google Classroom* dan *KUIS Learning Management System* (KLMS) adalah platform pengumpulan tugas-tugas pelajar dan bahan-bahan pengajaran seperti video, audio dan teks berkaitan PdP. Manakala *Google Meet*, *Zoom*, **3rd International Conference on Islamic Education 2021**

Webex dan *Microsoft Team* adalah platform pertemuan secara bersemuka pelajar-tenaga pengajar secara dalam talian. Menurut Ahmadi & Aulia (2020), PdP bahasa Arab seperti ini juga dijalankan di IAIN Palangka Raya, Indonesia ketika situasi pandemik COVID-19 melanda dunia pada Mac 2020 yang lalu.

Justeru kajian ini ingin menumpukan kepada perspektif pelajar terhadap tahap kesukaran isi kandungan pembelajaran dalam talian bagi kedua-dua kursus yang diambil. Perspektif pelajar terhadap kajian amat penting bagi membantu pensyarah menambahkan lagi mutu pengajaran kursus-kursus ini pada masa hadapan. Di samping pensyarah sentiasa meneroka kaedah, teknik serta strategi yang sesuai dalam penyampaian pengajaran kemahiran bahasa Arab secara dalam talian. Secara tidak langsung dapatan kajian ini akan menggerakkan usaha penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran kedua-dua kursus yang dipilih.

METODOLOGI

Kajian ini ingin mengenal pasti tahap kesukaran isi kandungan pembelajaran secara dalam talian yang menjadi isi pembelajaran dalam kursus NBWU1062 dan NBWU2102 menurut perspektif pelajar. Kajian ini dijalankan melalui kaedah tinjauan yang dilakukan terhadap 295 orang pelajar yang sudah mengikuti kursus NBWU1062 dan NBWU2102. Kajian ini dapat membantu pengkaji dalam mengenal pasti tahap kesukaran isi kandungan pembelajaran berdasarkan perspektif pelajar ketika sesi PdP dalam talian yang telah dilaksanakan. Teknik persampelan digunakan bagi memilih responden kajian ini. Pemilihan peserta kajian adalah berdasarkan pengalaman pelajar yang pernah mengikuti kursus yang hampir sama di peringkat semester 1 bagi dan 2 sebelum ini secara bersemuka di kampus KUIS. Seramai 295 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda dalam pelbagai bidang Pengajian Islam telah dipilih dalam kajian ini. Instrumen kajian pula adalah borang soal-selidik dalam talian *google form*. Borang soal selidik tersebut mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A : Demografi, Bahagian B : Kemudahan Internet di Rumah dan Bahagian C: Aras Kesukaran Kandungan Pembelajaran Bahasa Arab. Data yang diperoleh menggunakan pengukuran skala Likert. Skala Likert 1 (sangat sukar) hingga 5 (sangat mudah) digunakan bagi mengukur aras kesukaran menurut perspektif responden. Data awal yang dikumpulkan ini dianalisis menggunakan kekerapan dan peratusan, kemudian diringkaskan dalam bentuk jadual.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan taburan bilangan pelajar dan peratusan mengikut jantina. Seramai 111 (37.6%) orang ialah pelajar lelaki manakala 184 (62.4%) orang ialah pelajar perempuan.

Jadual 1

Taburan bilangan pelajar dan peratusan mengikut jantina

Jantina	Bilangan Pelajar	Peratusan (%)
Lelaki	111	37.6
Perempuan	184	62.4
Jumlah	295	100.0

Sumber : Soal Selidik (2021)

Jadual 2 menunjukkan program pengajian pelajar. Seramai 54 (18.3%) orang ialah dari program BI01: Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan Undang-Undang (Kepujian), seramai 33 (11.2%) orang dari program BI02: Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Al-Sunnah dengan Komunikasi (Kepujian), seramai 30 (10.2%) orang dari program BI03: Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Multimedia (Kepujian), seramai 26 (8.8%) orang dari program BI04: Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Al Qiraat (Kepujian), seramai 18 (6.1%) orang dari program BI05: Ijazah Sarjana Muda Dakwah dengan Pengurusan Sumber Insan (Kepujian), seramai 3 (1.0%) orang dari program BI06: Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Multimedia (Kepujian), seramai 89 (30.2%) orang dari program BE02: Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Multimedia (Kepujian), seramai 9 (3.1%) orang dari program BC03: Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab (Terjemahan) (Kepujian), seramai 29 (9.8%) orang dari program BS02: Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan Muamalat (Kepujian) dan seramai 4 (1.4%) orang ialah dari program BC01: Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua (Kepujian).

Jadual 2

Taburan bilangan pelajar dan peratusan mengikut program pengajian

Program Pengajian	Bilangan Pelajar	Peratusan (%)
BI01: Ijazah Sarjana Muda Syariah Dengan Undang-Undang (Kepujian)	54	18.3
BI02: Ijazah Sarjana Muda Al-Quran Dan Al-Sunnah Dengan Komunikasi (Kepujian)	33	11.2
BI03: Ijazah Sarjana Muda Usuluddin Dengan Multimedia (Kepujian)	30	10.2
BI04: Ijazah Sarjana Muda Al-Quran Dan Al Qiraat	26	8.8

(Kepujian)		
BI05: Ijazah Sarjana Muda Dakwah Dengan Pengurusan Sumber Insan (Kepujian)	18	6.1
BI06: Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Dengan Multimedia (Kepujian)	3	1.0
BE02: Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam Dengan Multimedia (Kepujian)	89	30.2
BC03: Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab (Terjemahan) (Kepujian)	9	3.1
BS02: Ijazah Sarjana Muda Syariah Dengan Muamalat (Kepujian)	29	9.8
BC01: Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua (Kepujian)	4	1.4
Jumlah	295	100.0

Sumber : Soal Selidik (2021)

Jadual 3 menunjukkan semester pengajian pelajar. Seramai 147 (49.8%) orang berada dalam semester 2 manakala seramai 148 (50.2%) orang berada dalam semester 3.

Jadual 3

Taburan bilangan pelajar dan peratusan mengikut semester pengajian

Semester Pengajian	Bilangan Pelajar	Peratusan (%)
Semester 2	147	49.8
Semester 3	148	50.2
Jumlah	295	100.0

Sumber : Soal Selidik (2021)

Jadual 4 menunjukkan taburan bilangan pelajar dan peratusan tahap penguasaan bahasa Arab pelajar. Seramai 14 (4.7%) orang mempunyai tahap penguasaan yang sangat baik, 83 (28.1%) orang berada pada tahap yang baik, 157 (53.2%) orang berada pada tahap yang sederhana, 38 (12.9%) orang berada pada tahap yang lemah dan 3 (1.0%) orang berada pada tahap yang sangat lemah.

Jadual 4

Taburan bilangan pelajar dan peratusan tahap penguasaan bahasa Arab

Tahap penguasaan	Bilangan Pelajar	Peratusan (%)
Sangat Lemah	3	1.0
Lemah	38	12.9
Sederhana	157	53.2
Baik	83	28.1
Sangat Baik	14	4.7
Jumlah	295	100.0

Sumber : Soal Selidik (2021)

THE DIFFICULTY LEVEL OF ONLINE LEARNING CONTENT

Jadual 5 menunjukkan taburan bilangan pelajar dan peratusan mempunyai kemudahan internet di rumah. Seramai 112 (38.0%) mempunyai talian internet jalur lebar, 180 (61.0%) orang mempunyai talian internet data telefon dan 3 (1.0%) orang tiada kemudahan internet di rumah.

Jadual 5

Taburan bilangan pelajar dan peratusan mempunyai kemudahan internet di rumah

Kemudahan Internet di Rumah	Bilangan Pelajar	Peratusan (%)
Talian Internet Jalur Lebar	112	38.0
Talian Internet Data Telefon	180	61.0
Tiada	3	1.0
Jumlah	295	100.0

Sumber : Soal Selidik (2021)

Jadual 6 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan bagi kandungan pembelajaran yang sangat sukar hingga sangat mudah dipelajari secara dalam talian.

Jadual 6

Aras kesukaran kandungan pembelajaran kursus bahasa Arab

Kandungan Pembelajaran	Sangat Sukar		Sukar		Kurang Sukar		Mudah		Sangat Mudah	
	Kekerapan	%	Kekerapan	%	Kekerapan	%	Kekerapan	%	Kekerapan	%
Kemahiran Mendengar	99	33.6	56	19.0	52	17.6	65	22.0	72	24.4
Kemahiran Bertutur	75	25.4	89	30.2	57	19.3	34	11.5	35	11.9
Kemahiran Membaca	19	6.4	31	10.5	66	22.4	100	33.9	79	26.8
Kemahiran Menulis	38	12.9	53	18.0	74	25.1	58	19.7	45	15.3
Tatabahasa	64	21.7	66	22.4	46	15.6	38	12.9	64	21.7
JUMLAH	295	100	295	100	295	100	295	100	295	100

Sumber : Soal Selidik (2021)

PERBINCANGAN

Daripada dapatan kajian yang diperolehi, pembelajaran kursus bahasa Arab NBWU1062 dan NBWU2102 secara dalam talian melibatkan 295 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam semester 2 dan 3. Seramai 111 (37.6%) orang ialah pelajar lelaki manakala 184 (62.4%) orang ialah pelajar perempuan. Jumlah populasi pelajar semester 2 dan 3 adalah hampir seimbang iaitu 49.8% dan 50.2% bagi kedua-dua

kursus. Tahap penguasaan bahasa Arab pula didominasi oleh tahap sederhana iaitu mewakili 53.2% bagi jumlah keseluruhan. Bagi kemudahan rangkaian talian internet, majoriti pelajar menggunakan kemudahan internet melalui data internet telefon iaitu 61% manakala 38% menggunakan kemudahan rangkaian internet jalur lebar dan 1% tiada kedua-duanya.

Berdasarkan dapatan ini, faktor tahap penguasaan bahasa Arab dan kemudahan rangkaian talian internet dalam kalangan pelajar dilihat mempengaruhi dapatan kajian. Majoriti pelajar mengakui penguasaan bahasa Arab mereka di tahap sederhana. Oleh itu, pemahaman terhadap isi kandungan pembelajaran kursus yang dipelajari juga masih di tahap sederhana juga. Di samping itu, kemudahan internet yang lebih ramai menggunakan data telefon menunjukkan akses kepada bahan pembelajaran yang agak terhad lalu membawa kepada penguasaan kandungan bahan pembelajaran juga terhad.

Berikut adalah hasil dapatan kajian tahap kesukaran kandungan pembelajaran dalam talian dua kursus bahasa Arab yang terpilih menurut perspektif pelajar.

i. Aras Sangat Sukar

Data aras kesukaran kandungan pembelajaran kursus bahasa Arab adalah intipati utama perbincangan kajian ini. Berdasarkan data yang diperolehi, kandungan pembelajaran kemahiran mendengar bahasa Arab secara dalam talian adalah sangat sukar menurut perspektif pelajar iaitu 33.6%. Umumnya ketika mempelajari kemahiran bahasa, terdapat empat kemahiran asas iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kemahiran mendengar adalah kemahiran yang selalu digunakan tanpa kita sedari berbanding kemahiran-kemahiran bahasa yang lain. Hal ini kerana, kemahiran mendengar adalah proses semula jadi yang berlaku ketika pemerolehan bahasa pertama.

Melalui kemahiran mendengar, kita mampu membezakan bunyi, tatabahasa, memahami perkataan, intonasi serta menyimpan maklumat lebih lama. Ia adalah proses yang aktif kerana ia adalah proses penerimaan maklumat. Justeru ia bukan lagi kemahiran bahasa yang sering diklasifikasikan sebagai kemahiran pasif (Nik Mahfuzah, 2013).

Beberapa kajian berkaitan kemahiran mendengar bahasa Arab di Malaysia telah dijalankan antaranya oleh Abd Rauf (2005), Nik Mohd Rahimi et.al (2006), Ku Fatahiyah et. al (2014) dan Sumaiyah et.al (2018). Kajian-kajian ini membincangkan kemahiran mendengar bahasa Arab daripada aspek cara meningkatkan PdP kemahiran mendengar, tahap penguasaan kemahiran mendengar, pengaruh motivasi pelajar dan juga halangan penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Dapatan kajian Nik Rahimi et.al (2006) mendapati tahap penguasaan kemahiran mendengar dalam kalangan pelajar adalah sederhana. Manakala kajian Ku Fatahiyah et. al (2014) juga mendapati tahap kemahiran mendengar pelajar IPT yang menyertai kajiannya masih di tahap sederhana. Oleh itu dapatan kajian aras kesukaran kandungan pembelajaran kemahiran mendengar sebagai sangat sukar menurut perspektif pelajar adalah masih selari dengan dapatan kajian-kajian yang lepas.

Berdasarkan kajian lain yang dijalankan di Instituti Pendidikan Guru (IPG), ada dua faktor yang dikenal pasti yang menjadi halangan penguasaan kemahiran mendengar. Ia melibatkan faktor luaran dan faktor dalaman. Aspek perkataan, teks yang didengar, kekurangan bahan bantu, gangguan luar dan kelajuan penutur merupakan faktor luaran halangan untuk menguasai kemahiran mendengar. Selain itu, faktor dalaman pula ialah melibatkan kebolehan individu yang mengambil masa yang lama untuk faham, hilang tumpuan dan faktor sikap sendiri (Sumaiyah, 2018).

Dari aspek pengajaran kemahiran mendengar bahasa Arab, terdapat kajian menyatakan pengabaian terhadap pengajaran kemahiran mendengar. Kajian ini mengambil contoh secara logiknya seorang kanak-kanak akan mendapat bahasa melalui pendengaran terlebih dahulu berbanding kemahiran yang lain iaitu bertutur dan membaca seterusnya menulis (Abd Raof, 2005).

Justeru, berdasarkan dapatan kajian kemahiran mendengar bahasa Arab merupakan aras sangat sukar kandungan pembelajarannya melalui perspektif pelajar menunjukkan bahawa PdP kemahiran ini perlu diambil perhatian. Lebih-lebih lagi apabila ia disampaikan secara dalam talian yang sememangnya lebih mencabar berbanding bersemuka.

ii. Aras Sangat Mudah

Cheadar (2011) dalam Zamri & Ibtisam (2014) menyatakan kemahiran mendengar dan membaca dikategorikan ke dalam kemahiran reseptif (*al-maharat al-istiqlaliyyah / receptive skills*). Ahmad Kilani et.al (2004) pula mencatatkan bahawa menurut pakar-pakar dalam bidang pendidikan, kemahiran membaca boleh diperincikan kepada menguasai kemahiran-kemahiran seperti kemahiran menguasai atau memahami dengan baik bahan yang dibaca, kemahiran mengumpul maklumat dan keupayaan untuk menyusun semula maklumat yang diperolehi.

Data kajian yang dijalankan mendapati kemahiran membaca mendominasi sebagai kemahiran yang mudah diikuti kandungan pembelajarannya secara dalam talian oleh pelajar. Dapatan kajian menunjukkan kemahiran mendengar mendapat bacaan peratus yang tinggi sebagai kemahiran yang kandungan pembelajarannya mudah (33.9%) dan sangat mudah (26.8%). Dapatan ini juga sejajar dengan dapatan Ku Fatahiyah et. al (2014) mendapati bahawa tahap kemahiran membaca pelajar IPT yang menyertai kajiannya berada di tahap yang tinggi. Manakala kajian Awatif et. al (2014) berkaitan penguasaan bahan bacaan bahasa arab dalam kalangan pelajar IPT juga adalah tinggi.

Oleh itu, dapatan kajian berkaitan kemahiran membaca ini adalah masih selari dengan kajian yang lepas. Antara faktor yang memungkinkan kandungan pembelajaran kemahiran membaca lebih mudah diikuti pelajar adalah kerana bahan buku modul NBWU1062 dan NBWU2102 disediakan. Selain itu para pelajar adalah aliran pengajian Islam yang sudah mempunyai asas bahasa Arab sejak di peringkat sekolah menengah. Terdapat pemboleh ubah-pemboleh ubah yang memberi kesan signifikan ketika pelaksanaan kemahiran membaca bahasa Arab. Pelajar yang mempunyai pengetahuan sedia ada, kosa kata, tatabahasa dan strategi membaca akan lebih baik pencapaian akademiknya berbanding yang tiada pemboleh ubah yang dinyatakan (Mohd Hazli, 2019).

Berdasarkan hasil maklumat demografi pelajar, ciri-ciri ini ada pada para pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam yang menjadi responden kajian ini.

Selain itu, PdP kemahiran membaca bahasa Arab juga mempunyai beberapa teknik yang boleh membantu pelajar menguasai kemahiran membaca seperti KWLH, SQ3R, (Awatif, 2016) dan kaedah pembelajaran berasaskan projek (Kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) (Siti Nurul Aishah, 2020). Teknik-teknik ini dilihat dapat membantu para pelajar menguasai kemahiran membaca.

iii. Sukar

Kandungan pembelajaran kemahiran bertutur pula dikategorikan sebagai aras yang sukar menurut perspektif pelajar yang diwakili oleh 89 orang (30.2%). Dapatan ini masih memberi gambaran bahawa matlamat pengajaran bahasa Arab di Malaysia yang meletakkan penguasaan kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar masih belum dapat dicapai sepenuhnya. Apatah lagi peserta kajian adalah para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi. Para pelajar di Malaysia masih sukar menguasai kemahiran bertutur diakui oleh

penyelidik seperti (2006) dan Rosni (2013). Kemahiran bertutur dapat diukur apabila pelajar mampu berkomunikasi dalam bahasa Arab dengan orang sekeliling. Selain itu, mampu bertutur dalam bahasa Arab dengan orang Arab.

Kandungan pembelajaran kemahiran bertutur dalam kursus NBWU1062 dan NBWU2102 ialah para pelajar diminta mengguna dan mengamalkan ayat-ayat mudah dan berlapis yang dipelajari dalam pelbagai situasi secara verbal. Tugas-tugas yang diberikan pula menjurus kepada penghasilan video pembentangan individu dan berkumpulan berdasarkan tajuk yang telah ditetapkan. Antara faktor yang mungkin menyumbang kepada kesukaran kemahiran bertutur ialah penguasaan bahasa Arab majoriti pelajar masih di tahap sederhana seperti jadual 5. Selain itu, pembelajaran dalam talian sebagai pengalaman pertama pelajar-tenaga pengajar yang masih di tahap mencari keserasian teknologi dan bahan pengajaran turut menyumbang kepada hasil dapatan kajian. Tidak dinafikan, pengetahuan menggunakan teknologi adalah berbeza antara individu pelajar. Sebagai contoh, menghasilkan video tugas pembentangan untuk kemahiran bertutur secara individu dan berkumpulan mengambil masa yang panjang untuk disiapkan. Para pelajar telah diberikan tugas sedari awal semester pembelajaran dan perlu menghantar tugas tersebut pada penghujung semester bagi melengkapkan penilaian kerja kursus. Di sepanjang tempoh tersebut, pelajar sentiasa merujuk kepada tenaga pengajar di samping perlu bekerjasama dengan rakan sekelas yang semuanya berkomunikasi secara dalam talian.

iv. Kurang Sukar

Dapatan kajian aras kandungan pembelajaran kurang sukar dilihat seimbang antara keempat-empat kemahiran dan pembelajaran tatabahasa. Kandungan pembelajaran kemahiran menulis diwakili oleh 74 orang (25.1%) menyatakan kurang sukar berbanding kemahiran-kemahiran lain. Diikuti oleh kemahiran membaca 66 orang (22.4%), kemahiran bertutur 57 orang (19.3%), kemahiran mendengar 52 orang (17.6%) dan tatabahasa 46 orang (15.6%).

Kandungan pembelajaran kemahiran menulis dalam kursus-kursus NBWU1062 dan NBWU2102 lebih terarah kepada kemahiran menulis ayat, perenggan dan karangan sekitar 150-200 patah perkataan. Para pelajar didedahkan dengan panduan kemahiran menulis perenggan dan karangan terlebih dahulu dan kemudian diminta membuat tugas penulisan secara berkumpulan dan individu. Faktor bimbingan dan panduan

kemahiran menulis oleh tenaga pengajar dilihat sebagai penyumbang kepada dapatan perspektif pelajar terhadap kandungan pembelajaran kemahiran ini.

Tidak dinafikan, dapatan kajian berkaitan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar bukan penutur jati bahasa Arab Che' Pee (1991), Madihah Muhammad Yusuf (2009), dan Hanani Hasan (2011) dalam Rosni (2012), kebanyakannya menunjukkan sederhana dan lemah atas beberapa faktor seperti kurangnya kosa kata dan penguasaan bahasa Arab yang lemah. Bagi situasi di KUIS, fenomena ini juga berlaku berdasarkan tahap penguasaan bahasa Arab majoriti pelajar adalah sederhana. Namun begitu, kandungan pembelajaran kemahiran menulis yang terkandung dalam kursus-kursus NBWU1062 dan NBWU2102 sentiasa mengambil kira tahap kemampuan bahasa Arab pelajar, memungkinan ia dikategorikan sebagai kurang sukar.

v. Aras Kesukaran Kandungan Pembelajaran Tatabahasa

Dapatan data kajian aras kesukaran kandungan pembelajaran tatabahasa bagi kedua-dua kursus yang terlibat adalah sama dan seimbang bagi aras sangat sukar dan sangat mudah iaitu seramai 64 orang (21.7%). Kemudian 66 orang (22.4%) menyatakan sukar, 46 orang (15.6%) menyatakan kurang sukar dan 38 orang (12.9%) menyatakan mudah.

Kandungan pembelajaran tatabahasa bagi kedua-dua kursus NBWU1062 dan NBWU2102 adalah pelengkap kepada pembelajaran bahasa Arab selain empat kemahiran asas iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Isi kandungan pembelajaran tatabahasa bagi kedua-dua kursus adalah merangkumi tatabahasa aras topik-topik morfologi dan sintak bahasa Arab. Topik-topik tersebut telah dipelajari sejak peringkat sekolah menengah, namun di peringkat Ijazah Sarjana Muda topik tersebut dibincangkan secara mendalam. Hal ini dilihat sebagai sebagai faktor mempengaruhi dapatan kajian. Ada di antara pelajar yang telah menguasai topik-topik yang dipelajari sebelum ini di peringkat sekolah dan sebahagiannya menguasai di tahap sederhana atau lemah.

Kajian Wan Rohani et. al (2017) berkaitan penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar asasi universiti awam Malaysia mendapati pada tahap sederhana. Kajian ini juga mendapati terdapat dalam kalangan mereka dapat menguasai tatabahasa dengan baik dan terdapat dalam kalangan mereka lemah dalam menguasainya. Oleh itu, dapatan kajian aras kandungan pembelajaran tatabahasa bagi kursus NBWU1062 dan

NBWU2102 yang seimbang aras sangat sukar dan sangat mudah menggambarkan hasil dapatan bahawa sebahagian pelajar menguasai tatabahasa dengan baik dan sebahagiannya adalah sebaliknya.

IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian awal meninjau perspektif pelajar terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab secara dalam talian yang menumpukan kepada kesukaran isi kandungan pembelajaran dua kursus terpilih. Hasil kajian perlu dilihat daripada tiga aspek iaitu pelajar, pensyarah dan isi kandungan pembelajaran.

Di pihak pelajar, adalah diharapkan agar mengubah gaya pembelajaran daripada sentiasa dibimbing oleh pensyarah kepada pembelajaran sendiri yang efektif. Situasi pembelajaran secara dalam talian yang membataskan bimbingan oleh pensyarah secara bersemuka. Oleh itu, pelajar perlu berusaha secara sendiri dengan menerokai bahan-bahan rujukan yang boleh dicapai.

Bagi para pensyarah, hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa masih terdapat kekangan dalam kalangan pelajar menguasai empat kemahiran asas bahasa Arab terutamanya kemahiran mendengar dan bertutur. Justeru para pensyarah dengan segala daya yang mungkin menambah baik gaya penyampaian, menerokai kaedah dan strategi pengajaran dengan lebih baik. Selain itu, penguasaan terhadap modul pembelajaran untuk disampaikan kepada pelajar juga amat penting agar lebih efektif difahami oleh pelajar.

Aspek ketiga ialah isi kandungan pembelajaran yang dibina untuk dua kursus yang terpilih perlu kepada penambahbaikan dari segi bahan bantu mengajar dalam talian dan rujukan sokongan. Modul pembelajaran yang disediakan adalah sesuai, walau bagaimanapun perlu ada peningkatan dari sudut isi kandungan agar lebih sesuai dengan pembelajaran dalam talian.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian dapat mengenal pasti tahap kesukaran kandungan pembelajaran bahasa Arab secara dalam talian yang terkandung dalam kursus NBWU1062 Al Arabiah Al A'liyah Li Dirasat Islamiyyah II dan NBWU2102 Al Arabiah Al A'liyah Li Dirasat Islamiyyah III. Dapatan kajian menunjukkan kemahiran mendengar merupakan kemahiran yang sukar untuk dikuasai oleh para pelajar. Manakala kemahiran membaca

adalah kemahiran yang mudah dan sangat mudah kandungan pembelajarannya menurut perspektif pelajar.

Hasil dapatan kajian ini juga masih selari dengan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Walaupun kajian sebelum ini adalah kajian dalam keadaan pembelajaran bersemuka, hasil dapatan kajian pembelajaran dalam talian masih hampir sama. Hal ini mungkin dipengaruhi oleh beberapa faktor ketika pelajar melalui pembelajaran dalam talian seperti gaya pembelajaran pelajar itu sendiri. Manakala di pihak pensyarah, faktor kurangnya penguasaan isi kandungan pembelajaran yang perlu disampaikan kepada pelajar juga menyumbang kepada hasil kajian yang dijalankan. Tempoh masa pengajaran kursus yang terhad dan isi kandungan yang terlalu padat mampu menyumbang kepada penguasaan pelajar dalam satu-satu kemahiran bahasa Arab.(Alias,2014). Oleh itu, setiap faktor yang mampu mempengaruhi penguasaan kemahiran bahasa Arab pelajar harus diambil kira agar sebarang penambahbaikan terhadap sesi pembelajaran kursus NBWU1062 Al Arabiah Al A'liyah Li Dirasat Islamiyyah II and NBWU2102 Al Arabiah Al A'liyah Li Dirasat Islamiyyah III ini dapat dilaksanakan.

RUJUKAN

- Abd Rauf . (2005). Peranan media internet Arab dalam meningkatkan kemahiran mendengar dan membaca di kalangan pelajar Melayu: Suatu tinjauan. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 13(1): 83-92.
- Ahmad Kilani et. al. (2004). Kemahiran membaca dalam bahasa Arab, huraian daripada segi: Teori, contoh serta pengalaman Pengajaran Di Universiti Teknologi Malaysia. Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan [Siri Ketiga].
- Alias. M., Uk. R. & Mohd Hasril. A. (2014). Kajian Gaya Pembelajaran dan Motivasi Terhadap Pencapaian Pelajar Diploma Kejuruteraan di Politeknik. *Journal of Education*.
- Awatif Abdul Rahman et.al. (2016). Penguasaan Bahan Bacaan Bahasa Arab Melalui Teknik Membaca SQ3R. E-Bangi. Special Issue 3 (November 2016). pp: 69-80
- Ahmadi & Aulia Mustika Ilmiani. 2020. The Use of Teaching Media in Arabic Language Teaching During Covid-19 Pandemic. *Dinamika Ilmu*. Vol. 20 No. 2, 2020. pp: 307-318.
- Chua, Y.P. (2006). *Kaedah penyelidikan: Kaedah dan statistik penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw –Hill Education.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 2025 (Pendidikan Tinggi). Putrajaya, Malaysia.
- Ku Fatahiyah Ku Azizan et. al (2014). Tahap Kemahiran Asas Bahasa Arab di IPT Malaysia. *GSE E-Journal of Education*. Vol 1 No 2 2014. pp: 20-32.
- Masyitoh Yaacob & Kaseh Abu Bakar. (2018). Tinjauan Literatur Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab. *BITARA*. Volume 1, Issue 2. pp: 15-25.
- Mohd Hazli bin Yah@Alias et.al. (2019). Kemahiran Membaca Teks Arab Sebagai Bahasa Kedua: Penelitian Dari Perspektif Teori Dan Kurikulum. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*. Volume 2 (1), June 2019. pp: 26-44.
- Nik Mahfuzah Binti Nik Mat. (2013). Penguasaan Kemahiran Mendengar Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Menengah Agama. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Rosni Samah. (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* Volume 12(2). pp: 555-569.
- Rosninawati Hussin, <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/pembelajaran-dalam-talian-sebagai-norma-baharu/> dicapai pada 10 Mac 2021.

- Sumaiyah Sulaiman et. al. (2018). Halangan Penguasaan Kemahiran Mendengar Bahasa Arab Sebagai Bahasa Asing. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* Volume 2(1) January 2018. pp: 1-14.
- Wan Rohani Wan Mokhtar et.al. (2017). Penguasaan Tatabahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia. *AL-BASIRAH* Volume 7, No 2. pp: 23-41.
- Zamri Ahmad & Ibtisam Abdullah. (2014). Metode Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Berasaskan Empat Kemahiran. *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014*.